

# Matrix Concepts lancar kempen Gempak Raya Bonanza

Oleh BADRUL HAFIZAN MAT ISA  
badrul.isa@mediamulia.com.my

**SEREMBAN:** Sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang, syarikat pemaju perumahan dan harta tanah Matrix Concepts Holdings Bhd. (Matrix Concepts) melancarkan kempen Gempak Raya Bonanza yang menawarkan insentif menarik buat pembeli projek perumahannya.

Ketua Pegawai Pemasaran Kumpulan, Lim Kok Yee berkata, dalam kempen yang berlangsung dari 23 Mac lalu sehingga 12 Mei ini, pembeli berpeluang menerima ganjaran perayaan sehingga RM10,000 apabila membeli rumah idaman mereka di harta tanah terpilih dan lot kedai komersial di perbandaran Bandar Sri Sendayan di sini.

Selain itu menurutnya, pembeli juga akan mendapat manfaat daripada pelan pembayaran mudah sehingga 12 bulan dan pengecualian duti setem dan



**ANAK yatim, asraf dan orang kurang upaya yang diraikan dalam Majlis Santunan Ramadan Matrix Concepts di Bandar Sri Sendayan, Seremban, semalam.**

yuran guaman untuk projek-projek terpilih.

"Kempen ini bukan sahaja sempena musim perayaan Hari

Raya tetapi juga merangkumi semangat berkongsi kegembiraan menjadikan impian pemilikan rumah lebih mudah dicapai dan

menyeronokkan untuk semua.

"Kempen ini melibatkan penyertaan beberapa projek utama termasuk empat projek kediaman

iaitu Eka Heights, Irama Sendayan 2, Bayu Sutera dan Tiara Sendayan selain lot kedai komersial, iaitu Irama Biz dan Nusari Biz 2," katanya dalam kenyataan.

Menerusi kempen itu juga, beliau memaklumkan, pembeli berpeluang memenangi hadiah eksklusif melalui cabutan bertuah termasuk peralatan rumah dan baucar.

"Walaupun dalam keimbangan ekonomi, pemilikan oleh pembeli kekal penting kepada kami. Keyakinan mereka terhadap komitmen kami dalam menyediakan rumah berkualiti, kebolehcapaian mudah dan harga yang kompetitif memberikan kami motivasi untuk terus menyediakan produk yang berbaloi.

"Oleh itu, Gempak Raya Bonanza ini memberikan peluang untuk individu memulakan perjalanan dalam pemilikan sebuah rumah idaman mereka," ujarnya lagi.